

D.R. 23/2015

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 185

2. Subseksyen 185(1) Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*] dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (a);

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) hutang yang kena dibayar kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [Akta 767] berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan oleh Lembaga itu; atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perkataan “perenggan (a)” perkataan “, (aa)”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 (“Akta 77”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 185(1) Akta 77 untuk membenarkan pencen, ganjaran atau pemberian lain yang kena dibayar di bawah Akta 77 diserahkan atau dipindahkan bagi maksud menjelaskan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [Akta 767] berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan oleh Lembaga itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2947]